

Rakyat dinasihati jangan dikuasai golongan minoriti

PULAU PINANG 19 Okt. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat negara ini supaya jangan dikuasai oleh golongan minoriti.

Beliau berkata, golongan tersebut kini cuba mendapatkan sokongan dari satu kumpulan dari Sabah yang diketuai oleh Ketua Menterinya, Datuk Joseph Pairin Kitingan untuk menguasai negara ini.

"Apabila mereka berkuasa nanti, Kerajaan Malaysia akan ditentukan oleh orang-orang Sabah itu sendiri," katanya ketika berucap selepas menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Sungai Tiram di sini tengah hari ini.

"Kalau mereka tentukan kerajaan, apa akan jadi pada kita dan adakah kita terpaksa tunduk pada telunjuk mereka," tanya Perdana Menteri.

Bersatu padu

Beliau menyatakan dukacitanya atas apa yang berlaku pada hari ini oleh golongan kecil itu yang sanggup melakukan untuk tujuan mereka.

Bagaimanapun, beliau berkata, nasib negara ini siapa kerajaan memerintah akan ditentukan oleh rakyat sendiri pada 21 Oktober ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga mengingatkan orang Islam supaya bersatu padu dan elakkan dari berlaku perpecahan sesama sendiri sepertimana yang berlaku di Perang Teluk.

"Kita mempunyai 54 peratus rakyat Islam di Malaysia tidak semestinya bermusuhan sebaliknya hendak bersatu dan kukuhkan lagi semangat persaudaraan sesama kita," ujar beliau.

Bercakap mengenai Pas, beliau berkata, UMNO bersedia berunding tetapi UMNO tidak mahu pula Pas mengenakan syarat yang akan menyusah pula.